

**PHONEX DACTYLIFERA DALAM AL-QUR'AN DAN  
SUNNAH: KAJIAN TERHADAP PENCAMPURAN KE  
ATASNYA MENURUT *FIQH AL-HADITH* DAN SAINS<sup>⊙</sup>**

*(Phonex Dactylifera in Al-Qur'an and Sunnah: Study on its mixture  
from the Fiqh al-Hadith and Science Perspective)*

Siti Sarah Binti Izham<sup>1</sup>, Dr. Khader Bin Ahmad<sup>2</sup>  
Prof. Dato' Dr. Zulkifli Mohd Yusoff<sup>3</sup>

**ABSTRACT**

The significance of this study is to gain an in-depth and extensive data from the sources of Holy Al-Quran, Ahadith's books, *Syarah* Ahadith books and scientific studies. There are six types of dates that can be found in the Al-Quran and Ahadith namely *al-busr*, *al-zahw*, *al-ruthab*, *al-tamr*, *al-ajwa* and *al-nakhl*. Based on the findings obtained, there are ten types of mixture involve the *Phonex Dactylifera*. They have been divided into two categories which are allowed mixture and prohibited mixture. The result shows that the allowed mixtures are beneficial to our body. Meanwhile, the prohibited mixtures can bring intoxication and damage to our body.

**Keywords:** *Phonex Dactylifera*, Mixing, *Fiqh al-Hadith*, Science.

---

<sup>⊙</sup> This article was submitted on: 22/11/2016 and accepted for publication on: 04/5/2017.

<sup>1</sup> Siti S., Pelajar Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam APIUM, Universiti Malaya,  
Email: ctsarah.izham@gmail.com

<sup>2</sup> Dr. Khader, Pensyarah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.

<sup>3</sup> Prof. Dato' Dr. Zulkifli M. Y., Pensyarah, APIUM.

## ABSTRAK

Kepentingan kajian ini adalah untuk mendapatkan data yang terperinci dan menyeluruh yang didapati daripada al-Qur'an, hadith, *syarh* hadith dan kajian sains. Dalam al-Qur'an dan hadith terdapat enam jenis kurma iaitu *al-busr*, *al-zahw*, *al-ruthab*, *al-tamr*, *al-ajwa* dan *al-nakhl*. Hasil yang didapati terdapat sepuluh jenis pencampuran yang melibatkan *Phonex Dactylifera*. Daripada 10 jenis tersebut, ianya terbahagi kepada dua pembahagian. Pertama ialah pencampuran yang dibenarkan. Dan kedua ialah pencampuran yang dilarang. Keputusan yang didapati ialah pencampuran yang dibenarkan mampu memberi manfaat kepada tubuh badan. Manakala pencampuran yang dilarang mampu membawa kepada kemabukan dan kerosakan kepada tubuh badan.

**Kata Kunci:** *Phonex Dactylifera*, *Pencampuran*, *Fiqh al-Hadith*, *Sains*.

## 1.0 PENDAHULUAN

*Phonex Dactylifera* atau kurma merupakan salah satu jenis bahan makanan yang telah lama wujud. Kelebihan serta kebaikannya tidak dapat disangkal. Pelbagai kajian telah dilakukan keatasnya yang menatijahkan kebaikan yang besar ke atas tubuh seseorang itu sekiranya diamalkan. Kelebihan kurma ini telah Allah rakamkan dalam al-Qur'an menerusi surah Maryam ayat ke 25:

﴿وَهٰٓؤِذِيْ اِلَيْكَ بِجِذْعِ النَّخْلَةِ تُسْقِطُ عَلٰٓيْكَ رُطْبًا حٰٓمِيًا﴾

Melalui kisah Maryam ini dapat memperlihatkan bahawa kurma (*ruthab*) yang dimakan oleh Maryam sebagaimana arahan dari Allah telah memberi kebaikan kepada tubuhnya saat dia hendak melahirkan Isa a.s. Jika dilihat menerusi al-Qur'an dan sunnah penceritaan serta penyebutan berkaitan kurma adalah sangat banyak. Bahkan disebutkan bahawa kurma mempunyai jenis-jenisnya tersendiri. Dimana setiap jenis ini mempunyai pelbagai fungsi dan peranannya.

Walaubagaimanapun, disebalik kelebihan serta kebaikan mengambil kurma sebagai pemakanan, terdapat beberapa keadaan dimana pengambilannya bakal mengundang kesakitan juga racun buat pemakan. Bahkan, saat itu pengambilannya dihukumkan disisi syarak sebagai makruh dan juga haram. Keadaan yang dimaksudkan ialah apabila berlakunya pencampuran bahan lain ke atas kurma.

## 2.0 SKOP DAN METODOLOGI

Skop kajian ialah pengkaji akan menggunakan ayat-ayat al-Qur'an dan pentafsiran mufassir. Manakala pemilihan hadith dirujuk pada kitab sahih Bukhari dan sahih Muslim pada bab *al-ath'imah* (makanan) dan *al-asyribah* (minuman) sahaja. Pemilihan hanya kepada dua kitab ini bertitik tolak daripada status kitab tersebut. Di mana, pengkaji memerlukan hanya hadith-hadith yang sahih sahaja dijadikan panduan supaya hasil kajian adalah datang daripada sumber yang benar, sahih dan tiada pertikaian. Manakala pemilihan hanya kepada bab *al-ath'imah* (makanan) dan *al-asyribah* (minuman) adalah kerana perbincangan berkisar tentang makanan dalam hadith.

Kajian ini mengaplikasikan metode perpustakaan sepenuhnya dalam mengumpulkan data. Dalam proses pengkaji menyelesaikan kajian ini, pengkaji hanya akan menggunakan buku-buku yang terdiri daripada bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Selain itu, pengkaji turut sama menggunakan sumber-sumber dari artikel. Manakala dalam menganalisis data pengkaji menggunakan analisis induktif dan deduktif. Iaitu dari semua ayat-ayat dalam al-Qur'an, pengkaji hanya akan mengeluarkan ayat yang menyentuh tentang kurma. Manakala untuk sunnah atau hadith, daripada kesemua hadith-hadith yang terdapat kitab Sahih Bukhari dan Sahih Muslim pada bab *al-ath'imah* (makanan) dan *al-asyribah* (minuman), pengkaji akan menganalisis dan mendapatkan hadith-hadith yang berkaitan dengan kurma serta membincangkan *fiqh al-hadith* pada hadith-hadith yang berkaitan dengan pencampuran ke atas kurma.

## 3.0 DEFINISI *PHONEX DACTYLIFERA* DAN KELEBIHANNYA MENURUT PERSPEKTIF SAINS

*Phonex Dactylifera* merupakan nama saintifik bagi kurma. Dan ia merupakan tanaman yang paling awal (Danial, K., 2012, 68). Ini memberi maksud bahawa kurma merupakan antara tanaman tertua (Bassem, Y., 2016, 345). Kurma merupakan tanaman palma yang banyak ditanam di Timur Tengah dan Afrika Utara. Ianya juga hanya dapat hidup dengan baik di negara-negara beriklim panas dan kering misalnya di negara Timur Tengah dan Afrika Utara (Baliga, M. S., 2011, 44:1812-1822). Nama keluarganya ialah *Arecaceae*. Kurma biasanya dipanggil *tamr* dalam bahasa Arab. Walaubagaimanapun terdapat banyak lagi nama baginya. Di mana kepelbagaian nama kurma adalah bergantung kepada fizikal dan tahap kematangannya. Antara nama lainnya ialah *busr*, *ruthab*, *balah* dan sebagainya. Manakala dalam bahasa inggeris di sebut sebagai *date* atau *date palm* (Mustaq, A., 2009, 136. Bahagian yang digunakan ialah akar, bunga dan buahnya (Ebrahim A., 2014, 534).

Dalam al-Qur'an telah disebutkan berkaitan kurma lebih daripada 20 kali (Sarfaraz, K., 2009, 291-292). Di mana penyebutan kurma dalam al-Qur'an adalah secara bersendirian dan bersama buah yang lain (Ali M., 2014, 144). Manakala dalam *al-sahihain* khusus pada bab makanan dan minuman, kurma disebutkan pada tiga puluh empat hadith. Penyebutannya dengan pelbagai nama mengikut jenisnya. Sebagaimana yang diketahui bahawa khasiat, kelebihan serta kegunaan kurma ini tidak dapat dinafikan. Kajian dalam bidang sains juga perubatan telah membuktikannya.

Antara kegunaan kurma dari sudut perubatan ialah untuk rawatan penyakit jantung, penyakit kulit, bengkak buah pinggang, sakit usus, serangan jantung, penyembuh luka, cirit-birit, kesakitan saat bersalin, kelemahan seksual, sakit perut, buasir, gangguan hati (Mushtaq A., *Op. Cit.*, 16), asma, sakit dada, batuk, demam, sembelit (Ebrahim A., *Op. Cit.*, 534) dan sebagainya.

#### 4.0 Penyebutan *Phonex Dactylifera* dalam al-Qur'an dan sunnah serta jenis-jenisnya

Berikut merupakan penyebutan *Phonex Dactylifera* dalam al-Qur'an dan hadith serta jenis-jenisnya:

Jadual 1: Penyebutan *Phonex Dactylifera* dalam al-Qur'an dan sunnah serta jenis-jenisnya. Hasil analisis pengkaji.

Bil.	Jenis-jenis <i>Phonex Dactylifera</i>	Al-Qur'an / Hadith
1.	<i>Al-Busr</i>	(Hadith) SM: 5131, 5135, 5136, 5313, 5314
2.	<i>Al-Zahw</i>	(Hadith) SB: 5602, 5582 SM: 5137
3.	<i>Al-Ruthab</i>	Surah Maryam: 25, (Hadith) SB: 5440, 5443, 5447, 5449 SM: 5133, 5330, 5313, 5314
4.	<i>Al-Tamr</i>	(Hadith) SB: 5387, 5588, 5589, 5411, 5441a, 5441b, 5442, 5446 SM: 5131, 5135, 5136, 5139, 5313, 5314, 5328, 5331, 5332, 5333, 5334, 5335, 5336, 5337.
5.	<i>Al-Ajwa</i>	(Hadith) SB: 5445

6.	<i>Al-Nakhl</i>	<p>Surah al-Nahl: 11, Surah al-Baqarah: 266, Surah Maryam: 23, Surah Taha: 71, Surah al-Mukminun: 19, Surah Yasin: 34, Surah Qaf: 10, Surah al-Rahman: 11 &amp; 68, Surah al-Haqqah: 7, Surah 'Abasa: 29, Surah al-An'am: 99 &amp; 141, Surah al-Ra'd: 4, Surah al-Nahl: 11 &amp; 67, Surah al-Israa': 91, Surah al-Kahfi: 32, Surah al-Syu'ara: 148, Surah al-Syu'ara': 148, Surah al-Qamar: 20.</p> <p>(Hadith) SB: 5448</p>
----	-----------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jadual di atas menunjukkan jenis-jenis *phonex dactylifera* atau kurma dalam al-Qur'an dan sunnah. Jenis-jenis kurma ini terbahagi kepada enam jenis. Pertama ialah *al-busr* (البسر). *Al-busr* ialah kurma muda. Dalam peringkat pematangan buah kurma ianya berada pada peringkat ketiga. Pada peringkat ini ianya telah mencapai saiz dan bentuknya yang akhir, warnanya kuning dan telah bercampur dengan warna merah sementara rasanya pula kelat. Peringkat ini berterusan dari minggu ketiga sehingga minggu kelima. Kedua ialah *al-zahw*. Kurma jenis ini adalah sama seperti *busr* (I-Hadi, A., 1998, 186). Ketiga, *ruthab* iaitu kurma basah. *Ruthab* adalah peringkat keempat yakni selepas peringkat *basr*. Istilah *ruthab* digunakan apabila bahagian separuh buah tersebut menjadi berserat, sementara separuh yang lain kekal seperti mana keadaannya pada peringkat sebelum ini. Keadaan buahnya berubah kepada lebih lembap kerana kandungan air paling tinggi berbanding kurma pada peringkat yang lain (Ibid).

Keempat, *tamr* iaitu kurma kering. *Tamr* merupakan peringkat terakhir pematangan buah kurma setelah matangnya separuh yang kedua daripada *ruthab* sebelumnya. Keadaannya lebih kering dan lebih keras berbanding *ruthab*. Kandungan air di dalamnya juga telah berkurang. Isinya bersatu dengan kuat dan warnanya telah sempurna serta kulitnya menjadi keras (Faszly, R., 2016, 58). Kelima adalah *al-ajwa*. Kurma ini begitu popular dengan panggilan sebagai kurma Nabi. Ianya begitu terkenal. Khasiat besar yang dimiliki kurma ini adalah sebagaimana hadith Nabi s.a.w. yang menyebut barangsiapa makan di waktu pagi tujuh butir kurma ajwa setiap hari, maka hari itu racun dan sihir tidak membahayakannya (al-Bukhārī, *Hadith no.5445*). Dan terakhir ialah *al-nakhl*. Kalimat *al-nakhl* adalah merujuk kepada pohon kurma.

Dapat disimpulkan bahawa merujuk kepada al-Qur'an dan sunnah, kalimat yang digunakan untuk menunjukkan kurma terbahagi kepada enam iaitu *al-busr*, *al-ruthab*, *al-zahw*, *al-tamr*, *al-ajwa* dan *al-nakhl*. Walaubagaimanapun

*al-nakhl* tidak termasuk kategori jenis-jenis kurma kerana maksudnya lebih menjurus kepada pohon kurma. Oleh itu, jenis kurma yang di sebutkan dalam al-Qur'an hanyalah *al-ruthab*. Manakala jenis-jenis kurma yang lain iaitu *al-busr*, *al-ruthab*, *al-zahw*, *al-tamr* dan *al-ajwa* disebutkan dalam sunnah.

### Hadith-hadith Mengenai Pencampuran *Phonex Dactylifera*

Berikut merupakan hadith-hadith mengenai pencampuran *Phonex Dactylifera*:-

Bil.	Percampuran makanan	No. Hadith	Contoh
1.	Hais (Campuran tepung, kurma dan samn)	SB: 5387	(Hadith No.1) bawah.
2.	Campuran <i>Ruthab</i> dengan mentimun	SB: 5440, 5447, 5449 SM: 5330	(Hadith No.2) bawah.
3.	<i>Naqi'</i> / <i>Nabiz</i> iaitu campuran beberapa tamr (kurma kering) dengan air selama semalaman di dalam taur	SB: 5591, 5597	(Hadith No.1) bawah.
4.	Campuran madu, <i>nabiz</i> , air dan susu	SM: 5237	(Hadith No.4) bawah.
5.	<i>Wathbah</i> yakni campuran kurma, tepung dan mentega	SM: 5328	(Hadith No.5) bawah.
6.	<i>Tharid</i>	SB: 5418, 5419, 5420, 5428	(Hadith No.6) bawah
7.	Campuran <i>Zahw</i> (kurma tua) dengan <i>tamr</i>	SB: 5582, 5602 SM: 5137	(Hadith No.7) bawah.
8.	Campuran <i>ruthb</i> (kurma matang) dengan <i>al-busr</i> (kurma muda)	SB 5583, 5622 SM: 5132, 5146, 5147, 5148, 5164, 5165	(Hadith No.8) bawah.
9.	Campuran <i>al-busr</i> (kurma muda) dan <i>tamr</i>	SB: 5584, 5600 SM: 5131, 5135, 5136, 5145, 5149, 5150, 5151, 5160, 5161, 5162	(Hadith No.9) bawah.
10.	Campuran <i>Zabib</i> (kismis) dengan <i>tamr</i>	SB: 5602 SM: 5145, 5146, 5147, 5148, 5149, 5150, 5151, 5160, 5161, 5162, 5163, 5164	(Hadith No.10) bawah.

Jadual 2: Hadith-hadith mengenai pencampuran *Phonex Dactylifera*

Jadual 2 di atas menunjukkan hadith-hadith mengenai pencampuran *Phonex Dactylifera* atau kurma. Terdapat sepuluh jenis pencampuran makanan yang melibatkan kurma. Pertama ialah *hais*. *Hais* ialah campuran antara keju, kurma dan *samn* (minyak sapi) (Ibn Hajar, A., 1988, 400). Campuran makanan ini menjadikan makanan ini bersifat manis. Rasulullah s.a.w. sendiri yang telah menunjukkan cara pembuat *hais* sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari pada bab enam belas. Kedua ialah campuran *ruthab* dengan mentimun. Ketiga ialah *naqi'* atau *nabiz*. *Naqi'* atau *nabiz* ini merupakan kurma yang direndam di dalam air semalaman sehingga bahan-bahan dalam kurma meleraikan ke dalam air dan membentuk air kurma. Proses pencampuran dan rendaman ini tidak membabitkan api atau masakan (Ahmad A. F., 45). Keempat ialah campuran madu, *nabiz*, air dan susu.

Kelima ialah *wathbah*. *Wathbah* ialah pencampuran kurma, tepung dan mentega (Ibn Hajar, 378). Keenam ialah *tharid*. *Tharid* ialah makanan yang terdiri daripada roti yang direndam dalam kuah berisi daging (Ibid, 9:425). Ketujuh campuran *al-zahw* dan *al-tamr*. Kelapan ialah campuran *ruthb* dengan *busr*. Kesembilan ialah campuran *busr* dan *tamr*. Dan kesepuluh ialah campuran *zabib* dengan *tamr*.

#### 4.1 Perbincangan antara pencampuran yang dibenarkan dan dilarang berkaitan *Phonex Dactylifera* dari sudut *fiqh al-hadith* dan sains

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jenis pencampuran makanan yang melibatkan kurma berjumlah sepuluh jenis. Daripada kesepuluh jenis ini, dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah pencampuran makanan yang melibatkan kurma yang dibenarkan dan bahagian kedua adalah pencampuran makanan yang melibatkan kurma yang dilarang. Sekalipun kurma itu penuh dengan kelebihan dan khasiat yang besar, tetapi jika di masak atau di campurkan sebarang, ianya akan bertukar menjadi mafsadah kepada tubuh badan dan dihukumkan makruh atau haram di sisi syarak. Pencampuran makanan yang melibatkan kurma yang dibenarkan ialah *hais*, campuran *ruthab* dengan mentimun, *naqi'* atau *nabiz*, campuran madu, *nabiz*, air dan susu, *wathbah* dan *tharid*. Pencampuran-pencampuran ini di benarkan adalah kerana ianya memberi manfaat serta khasiat kepada tubuh badan.

Contohnya, pencampuran antara *ruthab* dan mentimun. Meninjau dari sudut sains kesihatan, pencampuran kedua-dua jenis bahan ini di benarkan kerana sifat *ruthab* dan mentimun itu sendiri. *Ruthab* bersifat dengan sifat panas manakala mentimun bersifat dengan sifat dingin. Jika keduanya dimakan

sekaligus, maka akan menjadi normal (Ibid., 475-476). Menurut Che Wan Jasimah, jika diteliti teknologi makanan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika itu bertujuan untuk mendapatkan keseimbangan. Mentimun boleh menghilangkan dahaga dan menyegarkan. Sebaliknya kurma setengah matang mempunyai khasiat memperkuat perut yang dingin dan kaku serta menimbulkan rasa haus kerana ia dikategorikan sebagai makanan yang panas (al-Che Wan, 2000, 34). Oleh itu, pencampuran antara kedua bahan makanan ini, menghasilkan keseimbangan antara satu sama lain. Dimana ianya membantu menguatkan perut.

Contoh lain untuk pencampuran yang dibenarkan ialah *naqi'* atau *nabiz*. Sebagaimana yang disebutkan *naqi'* atau *nabiz* ini merupakan kurma yang direndam di dalam air semalaman sehingga bahan-bahan dalam kurma meleraikan ke dalam air dan membentuk air kurma. Proses pencampuran dan rendaman ini tidak membabitkan api atau masakan (Ahmad A., 45). Melihat daripada sudut sains dan perubatan, hasil rendaman kurma dapat melancarkan pembuangan air kecil seterusnya ia dapat menguatkan limpa (Mukhlis A., 2013, 266). Rendaman kurma ini hukumnya adalah harus, tetapi ianya akan sampai menjadi haram sekiranya berlaku perubahan pada rasa dan bau. Perubahan pada rasa dan bau akan berlaku jika rendaman kurma tersebut melebihi dari tiga hari. Ini kerana selepas tiga hari, rendaman ini akan bertukar menjadi *khamr* (Sayd, S., 1971, 262).

Contoh pencampuran makanan yang melibatkan kurma yang dilarang ialah pencampuran antara kismis dan *tamr*. Menurut Imam al-Nawawi bahawa pencampuran ini menjadi larangan kerana sifatnya cepat untuk memabukkan. Walaubagaimanapun larangan ini di hukum makruh berbanding haram. Sekalipun begitu terdapat pandangan yang mengatakan haram iaitu dari mazhab Maliki. Manakala Imam Abu Hanifah dan satu riwayat dari Abu Yusuf berpendapat tidak makruh dan tidak mengapa kerana apa yang diharamkan satu jenis maka halal juga jika dicampurkan. Tetapi pandangan ini mendapat tentangan dari jumhur ulama dan diklasifikasikan sebagai menentang syariat (al-Nawawī, 2005, 13:153-156).

Pencampuran antara *tamr* dan kismis ini membawa kepada tiga perkara yang mesti dipandang berat. Pertama, hasil pencampuran rendaman ke dua bahan ini mampu mengubah rasa, bau dan membawa kepada kemabukkan. Ini kerana kaedah ini adalah kaedah dalam pembuatan *khamr* pada masa sebelum di haramkan (Muslim, *Sahih*, no.5150) Kedua, larangan pencampuran ini kerana wujudnya pembaziran. Pembaziran dalam soal pencampuran adalah dari sudut ke dua-dua bahan ini mempunyai nilai nutrisi yang sangat hampir menyamai (Sumaiyah, M. T., 2014, 84-85). Bahkan ke dua-dua bahan ini berkongsi khasiat



dan peranan. Maka, pencampuran ke dua-dua bahan ini menatijahkan pembaziran. Manakala perkara ketiga ialah dengan mengikut saranan serta pesanan Nabi s.a.w. untuk memakan serta mengamalkan pengambilan kurma dan kismis secara berasingan. Ini seperti yang disebut oleh baginda s.a.w. dihujung hadith 5602 riwayat al-Bukhari, “*tetapi pisahkanlah keduanya pada tempatnya masing-masing*”. (al-Bukhārī, *hadith no. 5602*).

## 5.0 KESIMPULAN

Secara tuntasnya merujuk kepada perbincangan di atas, *Phonex Dactylifera* merupakan nama saintifik bagi kurma. Kelebihan serta kebaikan yang didapati padanya tidak dinafikan. Antara kelebihan dan kebaikannya adalah memudahkan urusan bersalin bagi wanita, sembelit, demam, batuk dan sebagainya. Penyebutan kurma dalam al-Quran dan sunnah begitu banyak. Jika dilihat di dalam al-Qur'an, penyebutan berkaitan kurma dalam dua nama iaitu *ruthab* dan *nakl*. Manakala dalam sunnah khususnya dalam *sahihain* pada bab makanan dan minuman, penyebutan kurma dengan berbagai nama mengikut peringkat kematangannya iaitu *busr*, *zahw*, *ruthab*, *tamr*, *ajwa* dan *nakl*.

Kurma bukan sahaja boleh dimakan secara bersendirian, bahkan ianya boleh dicampurkan dengan bahan lain. Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan cara yang dibenarkan dalam soal pencampuran ke atas kurma dan juga telah menunjukkan kaedah yang dilarang dalam soal pencampuran ke atas kurma. Ini sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Daripada cara dan kaedah yang Rasulullah tunjukkan jelas menunjukkan bahawa pencampuran ke atas kurma adalah digalakkan untuk menambahkan kebaikan yang ada tetapi mestilah berjaga-jaga dalam soal kebolehan pencampuran itu pada pandangan syarak dan pencampuran tersebut benar-benar memberi kesan yang sangat baik kepada tubuh badan, yakni membawa kebaikan dan menolak kemudharatan.

LAMPIRAN

CONTOH
(Hadith No.1)
<p>قال حميد: سمعت أنسًا، "بَنَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِصَنْغِيَّةٍ، فَأَلْقَى التَّمْرَ وَالْأَقِطَ وَالسَّمْنَ..."                      (al-Bukhārī, <i>Sahih</i>, <i>tanpa no.</i>). الحديث</p> <p>Terjemahan: Humaid berkata: Aku mendengar Anas berkata: Nabi s.a.w. bersama dengan Shafiyah, maka dihidangkan kurma dan keju serta samn. Amr bin Abi Amr berkata dari Anas, "Nabi s.a.w. membuat <i>hais</i> (makanan yang terbuat dari kurma, keju dan samn).</p>
(Hadith No.2)
<p>عن عبدالله بن جعفر، قال: "رَأَيْتُ النَّبِيَّ .(ص) يَاكُلُ الرُّطْبَ بِالْقَيْءَاءِ" (Muslim, <i>Hadish</i> no.5237)</p> <p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Ismail bin 'Abd Allah, telah berkata: telah menceritakan kepada aku Ibrahim bin Sa'd dari ayahnya berkata: aku mendengar 'Abd Allah bin Ja'far berkata: :aku melihat Nabi s.a.w. makan <i>ruthab</i> dengan mentimun.</p>
(Hadith No.3)
<p>عن أبي أسيد الساعدي، قال: "أَنْفَعْتُ لَهُ تَمْرَاتٍ مِنْ اللَّيْلِ فِي تَوْرٍ" (al-Bukhārī, <i>hadith</i> no5591)</p> <p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Qutaybah bin Sa'id, telah menceritakan kepada kaminYa'kub bin 'Abd al-Rahman dari Abi Hazim telah berkata: "aku mendengar Sahl berkata: telah datang Abu Usaid al-Sa'idi dan menjemput Rasulullah s.a.w. ke walimah nikahnya. Adalah setika itu isterinya sedang melayani mereka dan dia adalah pengantin perempuan. Lalu berkata: "apakah kamu tahu apa yang aku beri minum kepada Rasulullah s.a.w.? Aku merendam beberapa kurma kering pada waktu malam di dalam bekas untuk baginda".</p>
(Hadith No.4)
<p>عن أنس قال: "لَقَدْ سَقَيْتُ رَسُولَ اللهِ (ص) بِقَدَحِي هَذَا الشَّرَابَ كُلَّهُ: الْعَسَلُ وَالنَّبِيدَ، وَالْمَاءَ وَاللَّبَنَ"                      (Muslim, <i>hadith</i> no.5237)</p> <p>Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Abu Bakr bin Abi Syaibah, Zuhair bin Harb, mereka berkata, telah menceritakan kepada kami 'Affan, telah menceritakan kepada kami Hammad bin Salamh dari Thabit dari Anas telah berkata: "Aku</p>

memberikan minuman kepada Rasulullah s.a.w. dengan gelasku ini seluruh minuman madu, nabiz, air dan susu.

(Hadith No.5)

عن عبد الله بن بُسر، قال: نزل رسول الله (ص) على أبي، قال: فقَرَّينا إليه طعامًا ووَطْبَةً...".  
(Muslim, *hadith no.5328*)

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin al-Muthanna al-'Anazi, telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Ja'far, telah menceritakan kepada kami Syu'bah, dari Yazid bin Khumair, dari 'Abd Allah bin Busr telah berkata: Rasulullah s.a.w. singgah di rumah ayahku. Ia berkata, lalu kami mendekatkan makanan dan *wathbah* (sejenis makanan dari bahan kurma, tepung dan mentega) kepada baginda. Baginda makan dari makanan tersebut, kemudian dihidangkan kurma. Baginda memakannya dan meletakkan biji kurma di antara dua jarinya dan menggabungkan antara jari telunjuk dan jari tengah. Syu'bah berkata: "itu menurut prasangkaku" insyaAllah terdapat keterangan bahawa baginda meletakkan biji kurma di antara dua jarinya"- kemudian baginda dihidangkan minuman, lalu baginda meminumnya, kemudian baginda memberikannya kepada orang yang berada di sebelah kanannya." Ia (Abdullah) berkata: "lalu ayahku berkata, sambil mengambil tali haiwan tunggangannya, "berdoalah kepada Allah untuk kami." Baginda bersabda, "Ya Allah! Berilah keberkahan dari rezeki yang telah Engkau berikan kepada mereka, ampunilah mereka dan berilah rahmat kepada mereka".

(Hadith No.6)

عن أنس، قال: "دخلتُ مع النبي (ص) على غلامٍ له خِيَّاطٌ...". الحديث.  
(al-Bukārī, *hadith, no.5420*)

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami 'Abd Allah bin Munir, aku mendengar Aba Hatim al-Asyhal bin hatim, telah menceritakan kepada kami 'Auni, dari Thumamah bin Anas, dari Anas r.a. telah berkata: "aku masuk bersama Nabi s.a.w. kepada seorang budak tukang jahit. Maka dihidangkan kepadanya piring berisi *tharid*". Dia berkata: "maka Nabi s.a.w. mencari-cari dubba'." Dia berkata: "maka aku pun mencarinya kemudian meletakkan dihadapannya." Dia berkata, "sejak itu aku menyukai dubba'".

(Hadith No.7)

عن أنس بن مالك، قال: "كنتُ أسقي أبا عُبيدة وأبا طلحة...". الحديث  
(al-Bukārī, *hadith, no.5582*)

Terjemahan: Telah menceritakan Ismail bin ‘Abd Allah, katanya, telah menceritakan kepada aku Malik bin Nas, dari Ishaq bin ‘Abd Allah bin Abi Talhah, dari Anas bin Malik r.a., katanya: "Aku sedang minum Abu Ubaidah, Abu Talhah dan Ubay bin Ka’ab, dari khamr zahw (kurma tua) dan tamr (kurma kering). Lalu seseorang datang kepada mereka dan berkata, “Sesungguhnya khamr telah diharamkan”. Abu Talhah berkata, “Berdirilah wahai Anas dan buanglah ia”. Aku pun membuangkannya.”

(Hadith No.8)

عن جابر قال: "نَهَى النَّبِيُّ (ص) عَنِ الرَّيْبِ وَالْتَّمْرِ وَالْبُسْرِ وَالرُّطْبِ" (al-Bukārī, *hadith* no.5600)

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Abu ‘Asim, dari Ibn Juraij, telah mengkhabarkan kepada kami ‘Atha’: Sesungguhnya aku mendengar Jabir r.a. berkata: “Rasulullah s.a.w. melarang dari mencampurkan kismis dengan *tamr*. Dan *busr* dan *ruthab*.

(Hadith No.9).

عن جابر، "أَنَّ النَّبِيَّ (ص) نَهَى أَنْ يُخْلَطَ الرَّيْبُ وَالْتَّمْرُ، وَالْبُسْرُ وَالْتَّمْرُ" (Muslim, *hadith* no.5145)

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Syaiban bin Farrukh, telah menceritakan kepada kami Jarir bin Hazim, aku mendengar ‘Atha’ bin Abi Rabah, telah menceritakan Jabir bin ‘Abd Allah al-Ansori, “sesungguhnya Nabi s.a.w. melarang dari mencampurkan kismis dan tamar, *busr* dan *tamr*.

(Hadith No.10).

عن جابر: "أَنَّ النَّبِيَّ (ص) نَهَى أَنْ يُخْلَطَ الرَّيْبُ وَالْتَّمْرُ، وَالْبُسْرُ وَالْتَّمْرُ" (Muslim, *hadith* no.5145)

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Syaiban bin Farrukh, telah menceritakan kepada kami Jarir bin Hazim, aku mendengar ‘Atha’ bin Abi Rabah, telah menceritakan Jabir bin ‘Abd Allah al-Ansari, “sesungguhnya Nabi s.a.w. melarang dari mencampurkan kismis dan tamar, *busr* dan *tamr*.

## 6.0 REFERENCES:

- Ahmad Bazli, Selamat Amir, Zulkarnain. (2016). "Salah Faham Dalam Amalan Pemakanan Kurma Menurut al-Qur'an dan al-Hadith: Penilaian Terhadap Terjemahan Makna Kalimah *al-Ruthab* dan *al-Tamr*," dalam *Penyelidikan tentang Makanan: Perspektif Nabawi dan Saintifik* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad, Adnan F. (2009). *101 Hadis Pengubatan Rasulullah daripada Shahih al-Bukhari*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-Asqalani, Ibn Hajar. (1988). *Fath al-Bāri Bi Sharh Sahih al-Bukhārī*. Kaherah: Dar al-Diyan Lil Turath.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismā'il. (2000). "Sahih al-Bukhārī," dalam *Mausū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, Riyādh: Dar al-Salam.
- Al-Hadi, A., Barakah D. (1998). *'Alam al-Nabat fi al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ali, Muhammad. (2014). Therapeutic Flora in Holy Quran, *African Journal of History and Culture*, 6 November.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din. (2005). *Syarah Sahih Muslim bin al-Hujjaj*. (Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Asy-Syarkani, Mukhlas. (2013). *Allah Doktorku*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Baliga, M. S. et. al. (2011). Review of the Chemistry and Pharmacology of the Date Fruits. Phoenix dactylifera L.), *Food Research International*.
- Bassem, Y. Sheikh. (2016). "The Role of Prophetic Medicine in the Management of Diabetes Mellitus: A Review of Literature", *Journal of Taibah University Medical Sciences*.
- Che Wan, Jasimah. (2000). *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains*. (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Danial K., et. al.. (2012). "Medicinal Plants in Holy Quran", *American Journal of Scientific Research*.
- Ebrahim Azarpour, et. al. (2014). *Study Medicinal Plants in Holy Quran*, *International Journal of Plant, Animal and Environmental Sciences* 4 April-June.
- Faszly Rahim, et. al. . (2016). *Indahnya Pemakanan & Perubatan Islam* (Selangor: Tihani Cetak Sdn. Bhd.
- Hisham Thalbah, et. al. (2009). *Ensiklopedia Mukjizat al-Quran dan Sains*, Jakarta: PT. Sapta Sentosa.
- Mushtaq Ahmad, et al. (2009). Useful Medicinal Flora Enlisted in Holy Quran and Ahadith, *American-Eurasian J. Agric. & Environ. Sci* 5.

- Muslim, Muslim ibn al-Hajjaj. (2000). "Sahih Muslim," dalam *Mausū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, Riyādh: Dar al-Salam.
- Sarfaraz Khan M. et.al. (2009). Fruit Plant Species Mentioned in the Holy Quran and Ahadith and Their Ethnomedicinal Importance, *American-Eurasian J. Agric. & Environ. Sci.* 5.
- Sayid, Sābiq, . (1971). *Fiqh al-Sunnah*. Bayrut: Dar al-Kitāb al-'Arabī.
- Sumaiyah, M. Tamizi. (2014). "The Prophetic Tradition and Nutrition: Issues of Mixing Raisins and Dates", *Online Jurnal Research in Islamic Studie* 1 (Mei-Ogos 2014).
- Sumaiyah, M. Tamizi. (2016). "Naqi' Air Rendaman Kurma Sunnah Yang Bermanfaat Untuk Tubuh Anda," laman sesawang Herbal Sehat, yang dicapai 18 Januari 2016, <http://www.herbalsehat.co.id/blog/nabeez-air-rendaman-kurma-sunnah-yang-bermanfaat-untuk-tubuh-anda>.